



جابتن اوکور
Jabatan Ukur
Kementerian Pembangunan
Negara Brunei Darussalam

Ref: [31] dlm.SS/1223/2

Tarikh : 20 Muharram 1448H
06 Julai 2026

SIARAN AKHBAR

Untuk dikeluarkan pada 7 Julai 2026

Explore the Milky Way – Aktiviti Astrofotografi di Taman Rekreasi Hutan Luagan Lalak, Daerah Belait

06 Julai 2026, Isnin, Bandar Seri Begawan – *Explore the Milky Way*, satu pengalaman astronomi yang luar biasa telah berlangsung dari Ahad, 5 Julai 2026 hingga Isnin, 6 Julai 2026 di Taman Rekreasi Hutan Luagan Lalak, Daerah Belait.

Acara ini telah disertai oleh peminat astronomi, keluarga serta orang awam yang ingin mendalami penghargaan terhadap keindahan langit malam, dengan penyertaan seramai sembilan belas (19) orang termasuk pelajar sekolah menengah, pegawai kerajaan dan wakil daripada sektor swasta.

Acara ini memberikan peluang yang jarang diperolehi untuk menyaksikan keindahan ciptaan Allah Subhanahu Wa Ta'ala yang menakjubkan, terserlah melalui kegelapan putaran bumi dan keluasan galaksi. Para peserta berpeluang menyaksikan Bima Sakti dengan mata kasar, menerokai galaksi lain dan planet seperti Zuhrah (Venus), dan Zuhal (Saturn) menggunakan teleskop, serta menikmati pemandangan bulan *Wanning Gibbous* penghujung bulan purnama sebelum memasuki fasa suku terakhir ke-3 dan kelompok Bintang Tujuh *Pleiades (Messier 45 / Seven Sisters)*.

Aktiviti ini merupakan program ketiga daripada empat program yang dianjurkan dibawah siri astronomi Brunei MYCE 2026. Acara penutup ialah *Seminar Ilmu Falak dan Astronomi* yang akan berlangsung pada 7 Julai 2026 di Dewan Mawaddah, Setia Point Co., Daerah Brunei dan Muara, yang akan menampilkan pembentangan serta perbincangan oleh pakar tempatan dan antarabangsa mengenai peranan astronomi dalam sains dan tradisi Islam.

Maklumat lanjut, pendaftaran serta jadual penuh program boleh didapati di laman sesawang rasmi Jabatan Ukur: www.survey.gov.bn.

-TAMAT-

Disediakan oleh:
Serina Alyssa binti Udan
Ketua Juruteknik Ukur
Jabatan Ukur
Kementerian Pembangunan
Negara Brunei Darussalam
Tel: +673 867 7602
Emel: serina.udan@survey.gov.bn

Dibenarkan oleh:
Nor Zetty Akhtar binti Haji Abd Hamid
Pemangku Juruukur Agung
Jabatan Ukur
Kementerian Pembangunan
Negara Brunei Darussalam.